

3 H. 18 MAY 1981

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, sudah terlambat bagi beliau cuba mengusahakan kompromi antara Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah dalam merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO di Perhimpunan Agung parti bulan depan.

Beliau berkata: "Ini disebabkan masa terlalu suntuk sekarang kerana Perhimpunan Agung akan berlangsung tidak lama lagi."

Oleh itu, tambah Timbalan Perdana Menteri, "Adalah baik bagi saya untuk menyerahkan pemilihan Timbalan Presiden UMNO itu kepada perwakilan."

"Biarlah perwakilan UMNO menggunakan hak mereka memilih siapa yang patut dipilih, bukan pemimpin lain menentukan siapa yang patut menjadi pemimpin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Damansara di sebuah hotel di sini, petang ini.

Hak ahli

Datuk Seri Dr. Mahathir, Timbalan Presiden UMNO sekarang menekankan, beliau tidak mahu menunjukkan siapa yang sepatut menduduki jawatan Timbalan Presiden kerana "Perbuatan seperti itu seolah-olah merampas hak ahli-ahli UMNO sendiri."

"Adalah adil bagi saya untuk berkecuali dalam pemilihan ini dan menyerah kepada perwakilan UMNO sendiri untuk memutuskannya," jelas beliau.

Beliau menolak pandangan bahawa pemilihan atau pertandingan seperti itu akan memecahbelahkan UMNO sendiri.

Menjawab soalan lain beliau berkata: "Terserahlah kepada Datuk Musa dan Tengku Razaleigh sama ada untuk berkompromi atau tidak."

(P) Timbalan

Pilihan dalam tangan wakil: Dr. M.

Menteri Pelajaran, Datuk Musa; dan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh; telah dicalonkan oleh beberapa bahagian untuk merebut jawatan Timbalan Presiden disebabkan kekosongan berlaku berikutan Datuk Seri Dr. Mahathir bertanding jawatan Presiden setelah Datuk Hussein Onn mengundurkan diri.

Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka memenangi jawatan tersebut tanpa bertanding.

Datuk Hussein mengundurkan diri disebabkan kesihatan berikutan pembedahan awal Februari tahun ini.

Semasa berucap merasmikan mesyuarat perwakilan tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, Perhimpunan Agung UMNO bulan depan bukan sahaja menarik perhatian rakyat dalam negara ini, bahkan seluruh dunia.

Katanya, negara-

negara luar, terutama negara-negara Islam, akan menumpukan perhatian dalam pemilihan yang berlangsung dalam Perhimpunan Agung nanti, dan juga usul-usul yang akan diluluskan.

"Ini disebabkan apa sahaja keputusan yang dibuat Perhimpunan Agung itu akan dilaksanakan oleh Kerajaan," ujarnya.

Tegas beliau, perlu bagi ahli-ahli UMNO memikirkan sedalam-dalamnya apabila memilih pemimpin-pemimpin mereka sendiri.

Beliau menekankan, selama 24 tahun memerintah, UMNO telah menjalankan dasar yang adil kepada semua tanpa mengira kaum.

Katanya, Dasar Ekonomi Baru diwujudkan untuk mengimbangkan kedudukan antara kaum, dan bukan untuk mengambil hak bukan Bumiputera untuk diberikan kepada Bumiputera.

Sebelum itu, Ketua Bahagian Damansara, Senator Abdul Razak Abu Samah, menggesa Datuk Seri Dr. Mahathir agar kawasan parlimen Damansara itu diberi kepada UMNO dalam pilihanraya akan datang.

Katanya, sudah sampai masanya kawasan tersebut diserahkan kepada UMNO memandangkan jumlah pengundi Melayu sudah bertambah.